

MAJLIS PELANCARAN FESTIVAL SENI SILAT WILAYAH PERSEKUTUAN



Silat telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah kategori *Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity* pada 12 Disember 2019. Pengiktirafan yang membanggakan rakyat Malaysia ini membuka peluang untuk memperkenalkan seni pertahanan diri warisan bangsa kita secara khususnya dan Malaysia secara amnya ke peringkat global. Pengiktirafan ini juga secara tidak langsung telah menyuntik semangat pelbagai pihak untuk melaksanakan aktiviti dan program persilatan bertujuan untuk terus melestarikan seni pertahanan diri masyarakat Melayu ini.

Rentetan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Festival Seni Silat Wilayah Persekutuan 2021. Festival yang telah berlangsung pada 12 November 2021 bertempat di Menara Sri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan.

Selaku pihak yang bertanggungjawab mengangkat silat ke peringkat antarabangsa, Jabatan Warisan Negara turut diundang untuk bekerjasama dalam menjayakan majlis pelancaran iaitu bertindak sebagai Jawatankuasa Penyediaan Video Montaj dan Pameran. Rangkuman video montaj berdurasi 3 minit yang disediakan oleh Jabatan ini telah mengetengahkan tentang kejayaan pengiktirafan silat oleh UNESCO manakala sejarah dan proses pencalonan silat ke UNESCO pula diterangkan secara terperinci melalui panel pameran. Selain itu, bagi memeriahkan lagi festival, ruang jualan dan pameran turut dibuka kepada penggiat busana dan kraf warisan serta pameran terbitan buku-buku silat daripada Persatuan Silat Cekak Malaysia, Pertubuhan Seni Gayong Serantau Malaysia Negeri Perak, Kelab Seni Budaya Warisan Bangsa Negeri Sembilan, Karya Mustika Enterprise, Warisan Keris Shah Alam serta Persatuan Penggiat Seni Alam Melayu (PERNILAM) Selangor. Semoga jalinan kerjasama yang terhasil menerusi program seumpama ini dapat diteruskan lagi masa akan datang kerana ianya dilihat dapat memberi manfaat dan pendedahan kepada masyarakat selain membantu kelangsungan silat pada masa akan datang.